


Tel. : 2383006
Fax : 2383244



جَبَاتِن بُوْرُوَا
مَكْبِتِن خَالِ الْجَوَالِدِ الْمَرْكَزِي

DEPARTMENT OF LABOUR
MINISTRY OF HOME AFFAIRS
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan Kami : PJB/7300/3
Our Reference :

16 Muharram 1441
16 September 2019

Yang Mulia,
Majikan/Pemilik/ Pengurus
Entiti Perniagaan, Institusi Swasta,
Koperasi, Persatuan, Kelab dan
Badan-Badan Berkanun
Negara Brunei Darussalam

Tuan/ Puan,

**Per: BANCI TAHUNAN MAJIKAN/PEKERJA, GAJI, PENDAPATAN DAN JAM BEKERJA
BAGI TAHUN 2019 - BUSINESS REPORTING SYSTEM [BRS]**

Dengan hormat sukacita memaklumkan kepada Tuan/ Puan bahawa Banci Tahunan Majikan/Pekerja 2019 mula dilaksanakan menggunakan *BUSINESS REPORTING SYSTEM [BRS]*.

2. Penghantaran maklumat banci akan menggunakan **kaedah atas talian [online]** melalui laman jaringan :www.business.gov.bn/SitePages/OBR.aspx/SitePages/OBR.aspx dengan menggunakan *username* majikan/pemilik/pengurus yang boleh diperolehi melalui pendaftaran ke *E-Darussalam*.
3. Sehubungan itu, Jabatan ini memohon kerjasama Tuan/ Puan supaya akan dapat mengemaskini maklumat-maklumat para pekerja (tempatan dan asing), di bawah tanggungan Entiti Perniagaan, Institusi Swasta, Koperasi, Persatuan, Kelab dan Badan-Badan Berkanun Tuan/ Puan, yang masih berkhidmat **sehingga/ pada 30^{hb} Oktober 2019** dan termasuk juga maklumat Tuan/Puan sebagai majikan/pemilik/pengurus, seperti yang diperlukan di dalam *Business Reporting System*.
4. Maklumat berkaitan banci yang telah dilengkapkan **HANYA akan dapat dihantar melalui BUSINESS REPORTING SYSTEM mulai 31^{hb} Oktober 2019**. Tarikh akhir penerimaan maklumat yang berkenaan secara **ONLINE** ialah pada **30^{hb} November 2019**. Bagi yang hanya menggaji tenaga kerja yang terdiri daripada anak-anak tempatan (tiada pekerja asing) juga dikehendaki untuk melengkapkan maklumat banci ini, manakala bagi yang sudah tidak beroperasi lagi juga diperlukan mengemaskini maklumat berkaitan.

../2-

5. Sukacita disarankan dan dipohonkan kerjasama Tuan/Puan sebagai majikan/pemilik/pengurus untuk sebolehnya dapat melengkapkan maklumat banci sendiri. Ini adalah bagi mengelakkan penyalahgunaan maklumat sulit banci Tuan/Puan oleh pihak ketiga yang Tuan/Puan telah amanahkan untuk melengkapkan maklumat banci Tuan/Puan.
6. Tuan/Puan akan dimaklumkan melalui emel [*email*] yang didaftarkan untuk mengambil **Resit Penyata Maklumat Banci**, setelah maklumat banci yang dihantar disahkan lengkap. Jika maklumat Banci didapati tidak lengkap, satu pemberitahuan juga akan dihantar melalui emel [*email*], mengenai dengan ketidaklengkapan maklumat Banci berkenaan. Tatacara untuk mengakses *Business Reporting System* boleh di muat-turun melalui laman jaringan www.business.gov.bn/SitePages/OBR.aspx atau www.labour.gov.bn
7. Untuk makluman, **Resit Penyata Banci Majikan/Pekerja 2018** yang telah dikeluarkan bagi **Banci Tahunan Majikan/Pekerja 2018** adalah **dimansuhkan dan tidak dapat digunakan** lagi mulai **31 Oktober 2019**.
8. Untuk penerangan lanjut, pihak Tuan/Puan bolehlah berhubung dengan Jabatan ini di **Kaunter Bahagian Kajian dan Perangkaan, Ruang Legar Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Buruh, Jalan Dewan Majlis**, ataupun bolehlah menghubungi talian tetap ke 2383006 sambungan 1104/4503/4504 [waktu kaunter beroperasi sahaja]. Kaunter perkhidmatan beroperasi pada masa-masa berikut:-

Hari:-	Pagi:-	Petang:-
Isnin - Khamis & Sabtu	8.00 Pagi - 11.30 Pagi	1.45etang - 3.30 Petang

9. Untuk Peringatan, Banci Tahunan Majikan/Pekerja, Kadar Gaji Pendapatan dan Jam-Jam Bekerja adalah mengikut Peruntukan Akta Maklumat Pekerjaan 1974, Penggal 99 dibawah Seksyen 3(1). Menurut Seksyen 8(1) dalam Akta berkenaan, **mana-mana majikan yang a) sengaja menolak atau mengabaikan untuk memberikan butir-butir atau maklumat yang diperlukan dalam masa yang dibenarkan, atau b) dengan sengaja memberi atau butir-butir atau maklumat palsu; atau c) enggan menjawab, atau dengan sengaja memberikan jawapan palsu dalam soalan yang perlu untuk mendapatkan apa-apa maklumat atau butir-butir yang dikehendaki di bawah Akta ini, adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda sebanyak Dua Ribu Lima Ratus Ringgit (\$2,500.00) dan penjara enam (6) bulan, dan jika berterusan denda sebanyak Lima Puluh Ringgit (\$50.00) sehari akan dikenakan.**

Kerjasama Tuan/Puan adalah sangat diharapkan dan terlebih dahulu diucapkan berbanyak terima kasih.

"Perkhidmatan Berasaskan Kesabaran dan Keyakinan"
"Guru Inovatif, Pelajar Cemerlang"

Dengan hormat,


[MUHAMMAD SAUFI BIN AWANG HAJI IBRAHIM]
Pemangku Pesuruhjaya Buruh
Negara Brunei Darussalam